

UNDANG-UNDANG TUHAN DAN UNDANG-UNDANG MANUSIA

Masalah harus beristeri empat adalah suatu hak agama Islam

Al-Faḍīl al-Shaykh ‘Abdul Raḥīm Idrīs Kelantan penulis rencana ini ialah seorang ulama Melayu yang terkenal di Mekah al-Mukaramah. Pada masa ini menjadi guru di Madrasah al-Falāḥ sebuah sekolah rakyat yang masyhur dan tertua di Tanah Suci.

(Oleh ‘Abdul Raḥīm Idrīs- Mekah al-Mukaramah)

Dengan rahmat Allah Subḥānahu wa Ta‘ālā kepada hamba-hamba-Nya yang berisfat daif dan kekurangan, maka diutusnya seorang pesuruh untuk menyampaikan segala hukum dan undang-undang yang teratur rapi serta mengandungi hikmat-hikmat yang besar dengan kalimah kata yang tersusun elok, membawa ajaran-ajaran Islam yang Maha Suci, yang bersesuaian dengan setiap kurun dan peredaran masa, tetapi selamanya tidak akan berubah oleh perubahan zaman, sebab pencipta dan [engatur undang-undang suci itu ialah Tuhan al-Ḥakīm al-‘Alīm- Tuhan yang mengetahui tiap-tiap sesuatu perkara yang akan datang seperti juga ia mengetahui tiap-tiap sesuatu perkara yang sedang terjadi dan yang telah lalu.

Adapun jika pengatur undang-undang yang terbit dari akal fikiran manusia walaupun dengan memakai setinggi-tinggi falsafah dan sedalam-dalam pengetahuan sudah tentu tidak akan dapat berjalan dengan hokum dan peraturan-peraturan yang tetap di dalam menempuhi pancaroba alam yang bertukar ganti, undang-undang yang diciptakan oleh otak manusia yang bersifat daif pasti akan berubah bila mana tibalah waktu dan masa yang patut diubah akan dia, kerana fikiran manusia adalah singkat sesingkat-singkatnya tak akan dapat memintasi yang beratus-ratus tahun ke hadapan.

Undang-undang Tuhan al-Ḥakīm al-‘Alīm- Qānūn Illahī- adalah menjadi suluh yang seterang-terangnya untuk manusia mengenal agama Islam yang sebenarnya, dia adalah sebagai rang undang-undang

untuk mengetahui cara-cara beramal ibadat kepada Allah, cara pergaulan di dalam masyarakat umum, cara-cara berhimpun di dalam sesuatu perkumpulan dan persatuan, cara-cara berekonomi berjimat cermat dan seterusnya, semuanya telah lengkap diatur dengan sempurnanya mengikut maslahat, faedah dan keselamatan yang kembalinya adalah kepada segala lapisan dan segenap golongan Banī Adam yang berada di permukaan ala mini.

Di antara peraturan-peraturan yang telah ditentukan oleh Tuhan ialah cara bermasyarakat di dalam rumah tangga-aturan cara beristeri – kerana beristeri dengan mengikut cara-cara yang telah diatur oleh Tuhan itu adalah mendatangkan kekuatan, menimbulkan kehebatan kepada jenis manusia, betapa tidak? Dengan terikatnya tali perhubungan di antara dua jenis- lelaki dan perempuan – mengikut cara dan peraturan yang telah ditetapkan oleh agama, maka di sana muncullah beberapa puak dan kaum yang bersifat kesempurnaan, berbudi akhlak tinggi, bernasab dan berketurunan mulia mempunyai titisan darah berani dan perkasa- tetapi sebaliknya jika percampuran di antara dua jenis itu dilakukan dengan secara zina – terkeluar dari batasan yang telah diaturkan oleh agama – tegasnya percampuran secara kebinatangan- yang demikian itu sudah tentu akan merosak dan meruntuhkan budi pekerti baik sesuatu bangsa dan kaum, kerana dengan pergaulan yang secara biadap dan melanggar kesopanan itulah akan

menimbulkan satu puak atau satu keturunan yang berbudi rendah, biadap dan tidak mempunyai kesopanan, terjauh dari sifat-sifat kemanusiaan yang dituntut dan dikehendaki oleh agama.


Selain daripada natijah-natijah buruk yang didapati dari percampuran yang tiada halal- atau zina- yang telah disebutkan di atas tadi, beberapa banyak lagi keburukan-keburukan yang lain yang terbit dari akibat zina itu, di antaranya mendatangkan perbantahan dan perkelahian sesama sendiri, merampas hak dan mengambil harta manusia dengan ketiadaan redhanya yang mana semuanya ini akan menyalakan api permusuhan, pada akhirnya terjadilah pembunuhan dan pertumpahan darah yang dahsyat dan ghari di antara sesama manusia, sifat-sifat yang demikian itu adalah dibenci oleh mana-mana agama jua pun dan dilarang dengan kerasnya oleh agama Islam yang Maha Suci.

Dengan memandang kepada hikmatnya yang tinggi, menilik kepada maslahatnya yang besar, maka Allah Subhānahu wa Ta‘ālā telah menurunkan undang-undang khas di dalam soal berbini empat – atau berpoligami – ini, Tuhan membolehkan seseorang hamba-Nya mempunyai empat isteri dengan syarat-syarat yang telah ditentukan, bukan dengan hanya mengikut kemahuan hawa nafsu yang tiada mempunyai batasan, “keadilan” ini adalah syarat yang terpenting sekali mesti ada di sisi seorang lelaki yang bercita-cita hendak mempunyai isteri lebih daripada satu- dua, tiga hingga empat. Datangnya sifat keadilan ini ialah dari seseorang yang mempunyai iaman yang teguh, mempunyai kemampuan yang cukup, jika kedua-duanya perkara ini tidak ada pada diri seseorang Islam, janganlah hendaknya dia bercita-cita memiliki isteri lebih daripada satu, sifat keadilan tidak akan ada padanya,- kaum wanita juga yang akan teraniaya- oleh itu hokum berbini empat ini hanya diharuskan sahaja- tidak diwajibkan dan

tidak pula dipaksa di atas tiap-tiap umat Islam- sekalipun ada padanya syarat-syarat yang cukup.

Wal hasil hukum beristeri ini sekalipun hanya seorang tidaklah juga dipaksa, bahkan mengikut persetujuan dan kemahuan yang telah didapati dari dua belah pihak- lelaki dan perempuan- dengan disertai oleh wali- yang menjaganya- mengadakan wali bagi pihak perempuan itu adalah semata-mata untuk menjaga kemaslahatan yang bersih dan selamat.

Sebagaimana yang telah disebutkan di atas bahawa beristeri empat itu diharuskan oleh Islam- dengan syarat-syarat yang telah ditentukan- dia adalah hukum syarak yang diturunkan Allah dia adalah hak agama Islam- yang tiada akan berubah dengan mengikut peredaran masa, tiada akan boleh dipinda oleh kekuasaan tangan manusia yang bersifat lemah, sekalipun mereka itu mempersatukan tenaga membetulkan fikiran di dalam sesuatu perkumpulan atau parti atau kerajaan, sebab hukum Allah adalah menjadi hak kepunyaan agama Islam, hukum yang tersendiri dan merdeka. tak harus diganggu oleh mana-mana parti dan sesuatu majlis perkumpulan



Masjid al-Harām di Mekah tempat tumpuan kaum Muslimin menunaikan fardu Haji, rukun Islam yang kelima.

dengan mencuba hendak menghapus dan meminda hukum yang telah ditetapkan Allah menurut fikiran dan kemahuan hawa nafsu, kerana sesuatu hukum yang telah ditetapkan Tuhan tak akan dapat diatasi oleh fikiran manusia yang singkat, sedang pihak pemerintah sendiri- menurut undang-undang keadilan yang dikatakan demokrasi- tiada mempunyai hak sama sekali campur tangan untuk cuba menghapus dan meminda undang-undang Tuhan, hukum syarak, hak mutlak kepunyaan seluruh kaum muslimin,

Manakala seseorang lelaki Islam telah memasuki dunia perkahwinan, satu, dua, tiga hingga empat maka bererti ia telah memikul satu amanah Tuhan yang tak boleh dikatakan ringan dan tidak boleh dipercui-cuaikan dengan sambil lewa. Ia mesti menjaga dengan hati-hati dan cermat segala hak-hak seseorang isteri di antara satu sama lain, ia wajib bersifat adil membahagikan nafkah zahir dan batin, adil menjaga syarat-syarat berpoligami yang telah ditetapkan oleh Allah dan Rasul-Nya. Jika syarat-syarat tersebut dilanggarnya maka tak dapat tidak ia akan menerima hukuman yang setimpalnya di dunia- di hadapan mahkamah shar'iyyat- dan di hadapan Tuhan Rabb al-'Alamīn pada hari akhirat kelak.

Di pihak perempuan adalah diberikan hak yang bebas untuk menjalankan tuntutan dan dakwa di atas sesuatu kezaliman dan angkara murka yang didatangkan oleh pihak suami yang tiada menimbang rasa. Berkahwin bererti mencari hidup yang berdasarkan keamanan dan damai. Oleh itu kedua-dua belah pihak adalah mempunyai tanggungjawab yang sama, suami mesti tahu menjaga hak-hak isteri, demikian juga isteri mesti mengerti pula memelihara hak-hak suami.

Untuk menjaga maslahat-maslahat tersebut maka persetujuan di antara kedua belah pihak mestilah di ambil sebelum dijalankan ijab dan kabul- seseorang perempuan yang tiada redha dirinya dikahwinkan, tiadalah boleh dipaksa walinya tiada hak melakukan kekerasan di atas dirinya, kerana keredhaan itu adalah hak mutlak perempuan. Yang menanggung pahit

dan manisnya menjadi seorang isteri itu ialah perempuan, bukannya si wali. Islam sentiasa menyuruh bertimbang rasa dan berbuat ihsan kepada jenis latif- perempuan, oleh itu Islam memberikan kekuasaan yang sepenuh-penuhnya kepada wali untuk menentang sesuatu kezaliman yang dilakukan oleh seseorang suami terhadap isterinya, dia dibenarkan menjalankan sesuatu pendakwaan di hadapan hukum shari'at untuk membela dan melepaskan jenis yang lembut itu daripada cengkaman perbuatan zalim dan durjana yang lah dilakukan oleh seroang suami, dengan jalan menceraikan di antara keduanya -menurut hukuman yang adil dari hukum shari'at.

Segala apa yang saya bentangkan di atas dapatlah difahamkan bahawa beristeri itu adalah daripada maslahat fardiyat (diri seseorang), tiap-tiap seseorang Islam itu adalah ia bebas dan merdeka pada menerima dan menolak soal perkahwinan ini. Kerana perkahwinan itu adalah satu hukum yang harus di sisi agama Islam.

Tiap-tiap sesuatu hukum yang harus itu- pada sisi undang-undang Islam- tak ada paksaan padanya, tiap-tiap seorang umat Islam boleh melakukan pekerjaan-pekerjaan yang harus itu dengan sekehendak hatinya jika ia ada mempunyai kesanggupan dan kebolehan. Tak ada seorang jua pun yang boleh melarang, walau pun ia itu seorang raja yang berdaulat. Satu kerajaan yang berkuasa, sebuah perkumpulan atau parti yang terbesar, namun undang-undang Tuhan tetap kekal abadi sejak dari mula diturunkan hingga *Yawm al-Qiyāmat*, tak boleh dipinda oleh tangan manusia, tak boleh diperintahi oleh kekuasaan seseorang raja dan tak boleh dikawal oleh undang-undang sesuatu parti atau perkumpulan.

Sebagai penutup makalah ini dengan kerana Allah dan atas nama kebesaran Islam saya berseru kepada segenap peringkat dan lapisan bangsa saya yang cintakan agama Islam yang Maha Suci-khasnya terhadap pada ulama Islam yang mewarisi anbia-

(sambungan pada muka 28)